

Cukai tanah RM1.5 juta

■ Tindakan kerajaan negeri naikan kadar beban golongan petani

Oleh Na'imah Mohamed

naimah@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang wakil pembangkang memberitahu Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, golongan petani semakin tertekan dengan tindakan kerajaan negeri menaikkan kadar cukai tanah dan menyifatkan nasib mereka kini terumbang-ambing.

Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang) membangkitkan perkara itu ketika membahaskan usul Peruntukan Tambahan (Perbelanjaan Pembangunan) 2014 dalam Sidang DUN Selangor, di sini, semalam.

Katanya, sebagai contoh satu keluarga petani di Kuala Selangor terpaksa membayar cukai tanah berjumlah RM1.5 juta untuk tanah seluas 0.6 hektar bagi tempoh pajakan 99 tahun, sekali gus menyebabkan ke-

“Jumlah itu di luar kemampuan petani yang kebanyakannya mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan”

Sulaiman Abdul Razak

uarga petani itu terpaksa merempat seumur hidup.

“Keadaan itu berlaku apabila petani terbabit permohonan untuk memperbaharui tempoh pajakan tanah pertanian diusahakannya selepas tempoh pajakan selama 99 tahun hampir tamat.

“Permohonan mereka ditolak Pejabat Tanah dan Daerah kerana status tanah ini ditukar daripada status pertanian kepada bercampur atau perindustrian yang memerlukan mereka membayar cukai tanah se-



tinggi RM1.5 juta,” katanya.

Sulaiman berkata, jumlah itu adalah di luar kemampuan seseorang petani yang kebanyakannya mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan dengan hasil yang tidak menentu.

“Ketika di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN), petani hanya dikenakan kadar cukai yang rendah ekoran tanah dipajak itu diberikan status pertanian dan ia dapat membantu golongan berkenaan meningkatkan taraf hidup,”

katanya.

Beliau turut mempersoalkan tindakan Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim meluluskan peruntukan tambahan RM48 juta untuk pembinaan jambatan ketiga di Klang.

“Peruntukan ini sepatutnya tidak dimasukkan dalam bajet tambahan ini, tetapi dirancang dalam perbelanjaan awal kerana ia bukan projek baru, sebaliknya pembinaan jambatan ini sudah lama dirancang.

“Projek pembinaan jambatan itu bermula pada Julai ini dan ia menimbulkan persoalan kenapa perlunya bajet tambahan,” katanya.

Dalam pada itu, Ng Sue Lim (DAP-Sekinchan) membidas jabatan di bawah kerajaan Selangor kerana dikatakan bergelumang dengan kerenah birokrasi sehingga menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat yang berurusan dengan mereka.

Katanya, setiap jabatan

sewajarnya mematuhi piagam pelanggan yang menetapkan tempoh masa tertentu bagi memproses setiap permohonan yang dibuat, bukannya melaksanakannya secara sesuka hati sehingga menimbulkan bahan jenaka orang ramai.

“Sebagai contoh, piagam pelanggan untuk untuk proses rumah mampu milik ditetapkan dalam tempoh sebulan, tetapi hakikatnya ia mengambil masa antara tiga hingga enam bulan. Perkara ini adalah jelas sudah melanggar piagam pelanggan yang ditetapkan.

“Lebih mengecewakan, permohonan kewangan seperti tuntutan bayaran elaun yang sepatutnya diproses dalam tempoh tiga hari bekerja, tetapi mengambil masa sehingga tiga bulan sebelum diluluskan,” katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dalam Sidang DUN Selangor, semalam.